

Baitillah. (Di dalam sembahyang itu) Beliau s.a.w. membaca الطُّور وَكِتَابٍ مَسْنُورٍ (surah at-Thur).”⁷¹⁶

باب

52- Bab⁷¹⁷

⁷¹⁶ Ummu Salamah menyebutkan Nabi s.a.w. membaca الطُّور وَكِتَابٍ مَسْنُورٍ tanpa القسم واو di sini sudah tentu kerana surah ini terkenal dengan surah at-Thur. Ia sama sekali tidak bererti Nabi s.a.w. membacanya tanpa و itu. Sembahyang apakah yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. dekat Baitillah dalam peristiwa yang dipaparkan oleh Ummu Salamah di dalam hadits ini? Dan bilakah ia berlaku? Jawabannya ialah sembahyang Subuh selepas Baginda s.a.w. selesai mengerjakan thawaf widaa'. Ia telah berlaku pada hari Rabu empat belas Zul Hijjah. Pada hari ketiga belas, selepas melontar Rasulullah s.a.w. berangkat ke Muhasshab. Di situ Rasulullah s.a.w. menunaikan empat sembahyang fardhu (Zohor, 'Ashar, Maghrib dan 'Isyaa'). Kemudian pergi pula ke Mekah pada malam harinya untuk berthawaf Widaa'. Sembahyang Subuh pada hari keempat belas ditunaikan oleh Rasulullah s.a.w. di Baitillah. Selepas sembahyang itu Rasulullah s.a.w. berangkat pula ke Muhasshab. Di sana Baginda s.a.w. terus berangkat ke Madinah. Inilah sembahyang terakhir yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. di Mekah. **Selain di bawah bab ini**, Imam Bukhari r.a. mengulang sebut (athraaf) hadits ini pada empat tempat lain, iaitu: (1) Di bawah طَوَافِ النَّسَاءِ مَعَ الرِّجَالِ . Di bawah bab ini Bukhari mengambilnya daripada Isma'il daripada Malik. (2) Di bawah بَابِ الْمَرِيضِ يَطُوفُ رَاكِبًا beliau mengambilnya daripada 'Abdullah bin Maslamah (al-Qa'nabi) daripada Malik. (3) Di bawah بَابِ مَنْ صَلَّى رَكْعَتَيِ الطَّوَافِ خَارِجًا مِنَ الْمَسْجِدِ , Imam Bukhari r.a. mengambilnya daripada 'Abdullah bin Yusuf daripada Malik dan Muhammad bin Harb daripada Abu Marwaan Yahya bin Abi Zakariyya' al-Ghassani. (4) Di bawah bab tanpa tajuk di dalam Kitab at-Tafsir pula Imam Bukhari r.a. sekali lagi mengambilnya daripada 'Abdullah bin Yusuf. Imam-imam hadits yang lain seperti Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah juga turut meriwayatkan hadits ini. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan membawa masuk binatang yang halal di dimakan ke dalam masjid jika diperlukan. Air kencing dan tahinya tidak menajiskan masjid. Inilah pendapat Bukhari, Malik, Ahmad, Muhammad bin Hasan as-Syaibani, Zufar dan lain-lain. Bagaimanapun ia adalah sesuatu yang kotor dan menjijikkan. Kerana itu ia tidaklah patut diabaikan semata-mata kerana air kencing dan tahinya tidak najis. Pendapat orang-orang yang mengatakan ia najis juga perlu diambil kira. (2) Orang-orang perempuan seeloknya berthawaf di belakang orang-orang lelaki. Kerana thawaf berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. adalah sama seperti sembahyang. Sebagaimana orang-orang perempuan ketika bersembahyang elok berada di belakang lelaki, ketika berthawaf juga mereka elok berada di belakang lelaki. (3) Orang-orang yang berthawaf dengan menaiki kenderaan sayogianya menjauhi kawasan thawaf pejalan kaki. (4) Tidak makruh berthawaf dengan kenderaan kepada orang-orang yang 'uzur atau ada keperluan-keperluan lain yang munasabah. Khilaf 'ulama' hanya berlaku berhubung dengan orang-orang yang tidak 'uzur atau tidak ada apa-apa keperluan. Sama ada ia harus, tidak harus, makruh atau tidak sah. (5) Rasulullah s.a.w. sentiasa memberi jalan keluar kepada umatnya yang bermasalah. Beliau juga sentiasa bersedia menyelesaikan aduan-aduan yang dikemukakan oleh para sahabatnya. (6) Tidak mengapa berthawaf ketika ada orang-orang yang sedang bersembahyang di Baitillah. (7) Sembahyang yang disebutkan oleh Ummu Salamah, telah dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. dekat Baitillah di dalam hadits di atas ialah sembahyang Subuh. Di dalam sembahyang Subuh itulah Baginda s.a.w. membaca surah at-Thur. Sembahyang Subuh ini ialah sembahyang terakhir Baginda s.a.w. di Mekah dalam haji Widaa'nya.

⁷¹⁷ Ini ialah bab tanpa tajuk. Pada kebiasaannya para pensyarah Sahih Bukhari menganggap bab tanpa tajuk sebagai fasal bagi bab sebelumnya. Tetapi di sini kebanyakan mereka tidak berpendapat begitu. Kata mereka bab tanpa tajuk akan dianggap sebagai fasal bagi bab sebelumnya, hanya dalam keadaan apabila ia ada kena mengena dengannya. Sedangkan di sini bab tanpa tajuk langsung tidak ada kena mengena dengan bab sebelumnya. Atas alasan inilah Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-'Aini menolak pendapat Ibnu Rusyaid. Oleh kerana bab ini tidak bertajuk dan tidak pula ada kesesuaian di antaranya dengan bab sebelumnya, maka para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud tersirat Bukhari di sebalik mengadakan bab yang tergantung seperti ini. Berikut dikemukakan tiga belas pendapat 'ulama' berhubung dengan maksud Bukhari mengadakan bab tanpa tajuk ini: (1) Ibnu Rusyaid berpendapat, bab ini merupakan fasal bagi bab sebelumnya. (2) Bab ini memang tidak sesuai jika dikaitkan dengan bab di atasnya semata-mata iaitu بَابِ إِدْخَالِ الْبَعِيرِ فِي الْمَسْجِدِ لِلْعِلَّةِ . Tetapi jika ia

dikaitkan dengan bab masjid secara keseluruhan dan secara umum, maka tidak salah kalau dikatakan ada juga kesesuaiannya. (3) Imam Bukhari mahu mengisyaratkan kepada pahala, kelebihan dan keberkatan yang diperolehi orang-orang yang selalu berulang-alik ke masjid untuk menunaikan sembahyang secara berjama'ah terutamanya di waktu malam yang gelap gelita. Keberkatannya kadang-kadang ditunjukkan oleh Allah semasa di dunia ini lagi. Salah satu contohnya ialah apa yang telah berlaku kepada dua orang sahabat yang tersebut di dalam hadits di bawah bab tanpa tajuk ini. (4) Imam Bukhari mahu mengisyaratkan kepada satu hadits yang menyatakan keistimewaan orang-orang yang selalu pergi ke masjid untuk beribadat. Oleh kerana ia tidak menepati syarat beliau untuk Sahihnya, beliau berpada dengan mengisyaratkan kepadanya sahaja. Hadits itu diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat seperti Buraidah, Sahal bin Sa'ad, Abu Sa'id al-Khudarii dan lain-lain bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: *يُشْرُ الْمَسْجِدَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِاللَّيْلِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ* Bermaksud: Berilah berita gembira kepada orang-orang yang selalu berjalan dalam kegelapan malam untuk ke masjid-masjid, bahawa mereka akan mendapat cahaya yang penuh pada hari qiamat nanti. (Hadits riwayat Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Majah, Baihaqi dan lain-lain). Pendapat (3) dan (4) ini adalah pilihan Hafiz Ibnu Hajar dan Ibnu Rajab. (5) Melalui bab ini Imam Bukhari r.a. mahu mengisyaratkan kepada firman Allah di dalam surah at-Hadid yang berbunyi:

يَوْمَ تَرَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ يَسْعَىٰ نُورُهُمْ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ بُشْرَانُكُمُ الْيَوْمَ جَنَّاتٌ تَجْرَىٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Bermaksud: Pada hari engkau melihat orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, cahaya (iman dan amal soleh) mereka bersinar di hadapan dan di sebelah kanan mereka. (Dikatakan kepada mereka): "Pada hari ini ada berita gembira untukmu, (iaitu) syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, kamu akan kekal di dalamnya. Itulah keberuntungan yang besar." (Al-Hadid: 12). Ayat ini menyatakan balasan dan keberuntungan besar yang akan diperolehi orang-orang yang beriman disebabkan amal saleh yang mereka kerjakan semasa di dunia dahulu. Antara amal saleh yang paling utama ialah sembahyang berjama'ah di masjid. Keajaiban yang berlaku kepada dua orang sahabat seperti tersebut di dalam hadits di bawah bab ini ialah salah satu contoh yang disegerakan untuk mereka di dunia ini. Sementara diakhirat nanti mereka akan mendapat lebih lagi dari itu. (6) Menyatakan kelebihan dan keberkatan menunggu sembahyang 'Isyaa' dengan berjama'ah di masjid. Terutamanya menunggu sembahyang 'Isyaa' untuk berjama'ah dengan Nabi s.a.w. sendiri di masjid Beliau s.a.w. Ini adalah pendapat Hafiz al-'Aini. (7) Menyatakan kelebihan semata-mata berada di dalam masjid walaupun bukan dengan maksud menunggu sembahyang jama'ah, sama ada di waktu malam atau siang. (8) Menyatakan keharusan berbual, bercakap dan berbincang tentang perkara-perkara yang berfaedah di dalam masjid. Kedua-dua orang sahabat yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini telah berbual-bual dengan Rasulullah s.a.w. agak lama di dalam masjid pada malam itu sebelum mereka pulang ke rumah. Ini adalah pendapat Syah Waliyyullah. (9) Syeikh Zakariya berkata: "Semasa mengajar, ayah saya (Maulana Muhammad Yahya) ada menyebutkan bahawa dua orang sahabat itu mempunyai tongkat. Bentuk kepala (hujung) tongkat mereka berdua menyerupai kepala unta. Dalam perjalanan mereka pulang ke rumah dari masjid Nabi s.a.w. setelah bersembahyang 'Isyaa' agak lewat dengan Nabi s.a.w. pada malam itu, kepala tongkat mereka menjadi cerah seperti lampu suluh. Keadaan itu benar-benar memudahkan perjalanan mereka di malam yang gelap gelita itu. Itulah sebabnya kata beliau, Bab Memasukkan Unta Ke Dalam Masjid Kerana Ada Hajat (Keperluan), disusuli Bukhari dengan bab tanpa tajuk berserta hadits di bawahnya yang mengisahkan suatu keajaiban yang telah berlaku kepada dua orang sahabat tersebut." Kata Syeikh Zakariya, ia merupakan suatu pandangan yang sangat istimewa dan seni berhubung dengan maksud Bukhari di sini. Puas saya mencari di dalam kitab-kitab, kenyataan bahawa bentuk kepala (hujung) tongkat mereka berdua menyerupai kepala unta, tetapi sampai sekarang saya belum dapat mengesannya. (10) Maulana Muhammad Hasan al-Makki (salah seorang murid utama Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi) di dalam taqirinya menulis, Bukhari mahu menyatakan bahawa sebagaimana unta boleh (harus) dibawa masuk ke dalam masjid jika diperlukan, sesuatu seperti pelita atau lampu juga harus dibawa keluar dari masjid sebagai penyuluh jalan di malam yang gelap gelita jika diperlukan. (11) Menolak pendapat sesetengah salaf (seperti Sa'id bin Musaiyyab, 'Umar bin 'Abdil 'Aziz dan lain-lain) yang menganggap tidak elok menggunakan lampu suluh dalam perjalanan ke masjid dan ketika pulang ke rumah dari masjid. Ia sesungguhnya bukanlah sesuatu yang tidak elok dan terlarang. Kalau ia memang tidak elok di sisi ugama, tentulah ia tidak diberikan kepada dua orang sahabat berkenaan sebagai keramat mereka. (12) Imam Bukhari sengaja membuat bab ini tanpa tajuk untuk menguji dan mengasah fikiran pembaca kitabnya. Bab-bab seperti ini seolah-olahnya merupakan soalan dari pihak seorang guru kepada muridnya. Seolah-olahnya Bukhari berkata: "Apakah tajuk yang kamu fikir sesuai dengan hadits di bawah bab ini? Isikanlah

٤٤٥ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ قَتَادَةَ قَالَ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَجُلَيْنِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَا مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي لَيْلَةٍ مُظْلِمَةٍ وَمَعَهُمَا مِثْلُ الْمِصْبَاحَيْنِ يُضِيئَانِ بَيْنَ أَيْدِيهِمَا فَلَمَّا افْتَرَقَا صَارَ مَعَ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا وَاحِدٌ حَتَّى أَتَى أَهْلَهُ

445- Muhammad bin al-Muthanna meriwayatkan kepada kami, katanya: Mu'aaz bin Hisyaam (ad-Dastawaa'i) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku (Hisyaam ad-Dastawaa'i) meriwayatkan kepadaku daripada Qatadah (bin Di'aamah as-Sadusi), katanya: Anas bin Malik meriwayatkan kepada kami, bahawa ada dua orang sahabat Nabi s.a.w. keluar dari sisi Nabi s.a.w. pada suatu malam yang gelap.⁷¹⁸ (Tiba-tiba) Ada semacam dua lampu yang menyuluh di hadapan mereka. Apabila mereka

sendiri bab ini dengan tajuk yang kamu fikir sesuai. Inilah pendapat Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan. (13) Tidak kurang juga bilangan 'ulama' yang berpendapat Bukhari sebenarnya hendak mengisi bab ini dengan tajuk tertentu. Tetapi kerana sesuatu sebab, beliau tidak sempat mengisinya. Sekiranya Bukhari berkesempatan, maka apakah gerangan tajuk yang sebenarnya hendak dibuat beliau di sini? Tiada siapa pun dapat menentukannya. Para 'ulama' hanya mengandaikan tajuk-tajuk tertentu yang difikir mereka agak sesuai dan munasabah sahaja. Tidak lebih dari itu. Tajuk yang telah dikemukakan pensyarah-pensyarah terdahulu untuk bab ini antara lainnya ialah: (1) باب قوله (Bab Firman Allah Ta'Ala: Sesiapa Yang Tiada Diberi Cahaya (Petunjuk) Oleh Allah, Dia Tidak Akan Beroleh Sebarang Cahaya). Inilah tajuk bab yang diandaikan oleh Ibnu Batthaal. (2) Hafiz Ibnu Hajar mengandaikan tajuk ini: باب فضل المشي إلى المسجد في الليلة المظلمة (Bab Kelebihan Berjalan Ke Masjid Pada Malam Yang Gelap). (3) Al-'Aini mengatakan tajuk seperti ini lebih sesuai, iaitu: باب فضل ملازمة النبي في المسجد وفضل صلاة العشاء معه (Bab Kelebihan Berada Bersama Nabi S.A.W. Di dalam Masjid Dan Kelebihan Bersembahyang 'Isyaa' Dengannya). (4) Syah Waliyyullah mentaqdirkan tajuk bab ini begini: باب جواز التكلم والتحدث في المسجد (Bab Kecharuan Bercakap-Cakap Dan Berbual-Bual Di Dalam Masjid). (5) Ibnu Rajab menulis, boleh juga disimpulkan daripada hadits Anas di atas kecharuan menggunakan lampu ketika pulang dari masjid pada waktu malam yang gelap (جواز الاستضاءة في الرجوع من المسجد في الليالي المظلمة). Penulis terfikir, kesimpulan yang dibuat Ibnu Rajab ini jika dipinda sedikit sahaja sudah cukup sesuai untuk dijadikan tajuk bab ini. Misalnya dikatakan begini: باب جواز الاستضاءة في الرجوع من المسجد وفي الذهاب إليه في الليالي المظلمة (Bab Kecharuan Menggunakan Lampu Ketika Pergi Ke Masjid Dan Ketika Pulang Darinya Pada Waktu Malam Yang Gelap). Tajuk berikut juga bagi penulis sangat sesuai untuk bab ini, iaitu: باب بركة المسجد وكرامة منتظري الصلاة فيه في الدنيا والآخرة (Bab keberkatan Masjid Dan Kemuliaan Orang-Orang Yang Menunggu Sembahyang Di Dalamnya Di Dunia Dan Di Akhirat).

⁷¹⁸ Dua orang sahabat yang dimaksudkan di dalam hadits ini ialah 'Abbaad bin Bisyr dan Usaid bin Hudhair. Di dalam Sahih Bukhari cetakan India dan Pakistan dua nama ini bahkan tersebut di dalam matan hadits di atas. Teksnnya ialah seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ هِشَامٍ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ قَتَادَةَ قَالَ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَجُلَيْنِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَا مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدُهُمَا عِبَادُ بْنُ بَشْرٍ وَأَحْسَبُ الثَّانِي أَسِيدَ بْنَ حَضِيرٍ فِي لَيْلَةٍ مُظْلِمَةٍ وَمَعَهُمَا مِثْلُ الْمِصْبَاحَيْنِ يُضِيئَانِ بَيْنَ أَيْدِيهِمَا فَلَمَّا افْتَرَقَا صَارَ مَعَ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا وَاحِدٌ حَتَّى أَتَى أَهْلَهُ

Di dalam riwayat di bawah nanti juga tersebut dua nama ini. 'Abbaad bin Bisyr al-Anshaari adalah salah seorang sahabat utama Rasulullah s.a.w. Beliau terbunuh (syahid) dalam perang di Yamaamah. Usaid bin Hudhair al-Anshaari al-Asyali adalah salah seorang naqib pada malam 'Aqabah kedua. Beliau wafat di Madinah pada tahun 20H. Selain mengimami orang ramai dalam menyembahyangkan jenazah Usaid, Saiyyidina 'Umar juga turut mengusung jenazahnya ke perkuburan Baqi'. Di sanalah Usaid dikebumikan.

berpisah (di tengah jalan), lampu (yang menyuluh) itu tinggal satu pada setiap orang sehinggalah masing-masing sampai ke rumahnya.”⁷¹⁹

باب الخوخة والممر في المسجد

53- Bab Pintu Kecil Dan Tempat Lalu Di Dalam Masjid.⁷²⁰

⁷¹⁹ Hadits ini diulang sebut oleh Bukhari pada dua tempat lain selain di sini, iaitu: (1) Di bawah باب علامات النبوة في الإسلام. Di bawah bab ini Bukhari meriwayatkannya betul-betul sama dengan sanad dan matan hadits di atas. (2) Di bawah باب متقبلة أسيد بن خضير وعبد بن بشر رضي الله عنهما pula beliau meriwayatkannya daripada 'Ali bin Muslim. Selain Bukhari, hadits ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Nasaa'i, al-Bazzaar, Abu Ya'la dan 'Abd bin Humaid. Pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini antara lainnya ialah: (1) Ia membuktikan adanya keramat (كرامة) pada sahabat-sahabat Nabi s.a.w. (2) Allah memberikan keramat kepada 'Abbaad bin Bisyr dan Usaid bin Hudhair dalam bentuk lampu yang menyuluh jalan mereka pada waktu malam yang gelap gelita ketika pulang dari masjid Rasulullah s.a.w. (3) Keramat yang berlaku pada sahabat dan umat Muhammad yang saleh sebenarnya merupakan sebahagian daripada keberkatan dan mu'jizat Rasulullah s.a.w. yang berterusan selepas kewafatan Baginda. (4) Kelebihan masjid dan sembahyang dengan berjamaah di masjid. (5) Kelebihan sahabat dan kesan bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. (6) Pergi ke masjid untuk bersembahyang 'Isyaa' dan Subuh iaitu dua waktu yang gelap mendatangkan pahala yang lebih dan ganjaran berupa cahaya di akhirat nanti.

⁷²⁰ خوخة dalam bahasa 'Arab mempunyai beberapa erti, iaitu: (1) Lubang angin di dinding rumah. (2) Lubang di dinding rumah untuk mendapat cahaya dari luar. (3) Pintu kecil pada pintu gerbang. (4) Pintu kecil yang memisahkan antara dua buah rumah. Ia merupakan laluan ketika kecemasan. (5) Pintu kecil (yang hanya dapat dilalui dengan membongkok) sebagai tempat lalu ke ruang yang lebih besar seperti masjid dan lain-lain. (6) Dubur. (7) Sejenis kain berwarna hijau. (8) Buah pic. Erti paling sesuai untuk dipakaikan kepada perkataan خوخة atau perkataan باب di dalam hadits di bawah bab ini ialah erti yang kelima atau keempat. Perkataan الممر selepas العطف boleh dipakai sebagai: (1) ظرف مكان (2) مصدر ميمي. Sementara عطف واو العطف yang tersebut sebelum perkataan الممر pula boleh dipakai sebagai: (1) عطف لمطلق الجمع الذي يقتضي المغايرة. Kalau kita mengatakan Imam Bukhari sebenarnya memakai 'athaf di sini sebagai عطف تفسير bererti beliau bermaksud mentafsir dan menentukan satu daripada erti-erti خوخة tadi. Kalau 'athaf di sini tidak dipakai sebagai 'athaf tafsiri, niscaya tidak dapat ditentukan erti خوخة yang banyak itu. Inilah salah satu taujih (saluran untuk memahami pendapat dan idea seseorang) untuk memahami maksud Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Tidak kurang juga bilangan 'ulama' yang memakai perkataan الممر sebagai مصدر ميمي dan sebelumnya pula dipakai dengan ma'na asalnya yang menghendaki ma'thuf dan ma'thuf 'alinya adalah dua perkara yang berlainan (يقتضي المغايرة). Pada pandangan sepintas lalu taujih ini tidak lebih baik dari yang sebelumnya. Sebabnya ialah ia akan mengakibatkan pengulangan maksud tajuk. Bukankah Bukhari telah membuat tajuk 40- Bab Lalu Di Dalam Masjid sebelum ini? Di bawah tajuk itu penulis telah pun membincangkan tentang pengulangan maksud tajuk yang tidak akan berlaku di dalam Sahih Bukhari kerana ia merupakan sesuatu yang bercanggah dengan iltizam Bukhari sendiri. Bukankah apabila anda memakai perkataan الممر sebagai مصدر ميمي, bab ini akan menjadi sama dengan bab ke 40 yang lalu? Lantaran taqdirnya ialah: باب الممر في المسجد juga? Akan tetapi kalau diperhatikan dengan teliti dan saksama, taujih kedua ini juga tidak akan mengakibatkan pengulangan maksud tajuk sebenarnya. Ini kerana bab ke 40 yang lalu menceritakan semata-mata lalu di dalam masjid. Bab ini pula menceritakan secara khusus tentang lalu menerusi khaukhah atau pintu kecil untuk pergi ke dalam masjid atau keluar darinya. Keperluan Bukhari menyebutkan lalu menerusi khaukhah atau pintu kecil itu secara berasingan adalah kerana ia merupakan sesuatu yang tersebut di dalam hadits dan sesuatu yang mengandungi nilai sejarah tersendiri. Bagi penulis taujih kedua juga sama-sama menampilkan kebijaksanaan dan kedalaman fiqh Imam Bukhari dalam menanggapi hadits-hadits Nabi s.a.w. Qiblat masjid Nabi s.a.w. di peringkat permulaannya ialah ke arah Baitil Maqdis yang berada di sebelah utara Madinah. Setelah ditukar arah qiblat, qiblat masjid Baginda s.a.w. menghala pula ke arah Ka'bah yang terletak di sebelah selatan Madinah. Ketika itu terdapat beberapa buah rumah sahabat di sebelah timur dan barat masjid. Rumah-rumah mereka itu berkongsi dinding dengan masjid atau berdampingan dengannya. Memang telah pun ada beberapa buah pintu besar atau pintu yang dapat diguna oleh orang

ramai untuk masuk ke dalam masjid. Tetapi sahabat-sahabat yang dinding rumahnya bersambung dengan dinding masjid, membuat pintu kecil yang menghala ke dalam masjid untuk memudahkan mereka masuk ke dalamnya. Setelah sekian lama berada dalam keadaan itu dan tentunya ia dibuat dengan kebenaran Rasulullah s.a.w. sendiri, akhirnya Baginda s.a.w. memerintahkan supaya pintu-pintu yang menghala ke dalam masjid itu ditutup semuanya kecuali pintu rumah Abu Bakar. Soalnya sekarang ialah berapa kalikah Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan supaya pintu-pintu itu ditutup? Inilah sebenarnya yang hendak diperkatakan oleh Bukhari. Menerusi bab ini beliau nampaknya mahu menarik perhatian para pembaca Sahihnya kepada empat persoalan berikut sekurang-kurangnya yang perlu dijawab, iaitu: (1) Apakah hukum membuat pintu (besar atau kecil) dari rumah-rumah di sekeliling masjid sebagai laluan pintas untuk masuk ke dalamnya. (2) Perkataan باب di dalam hadits pertama di bawah bab ini apakah seharusnya dipakai dengan ma'na asalnya atau dengan ma'na khaukhah? (3) Adakah benar rumah Abu Bakar terletak hanya di Sunh? (4) Benarkah pendapat sesetengah pihak yang mengatakan terdapat dua perintah Rasulullah s.a.w. berhubung dengan laluan keluar masuk ke masjid Baginda s.a.w. Pertamanya ialah perintah menutup semua pintu besar atau باب yang menghala ke masjid kecuali pintu atau باب 'Ali. Dan keduanya pula ialah perintah menutup semua pintu besar باب atau pintu kecil خوخة yang menghala ke masjid kecuali باب atau خوخة Abu Bakar. Jika benar, apakah langkah yang diambil oleh para 'ulama' kita dalam menghadapinya? **Jawapan kepada persoalan pertama** ialah Bukhari dan jumhur 'ulama' berpendapat, perintah Rasulullah s.a.w. supaya menutup semua pintu yang menghala ke dalam masjid kecuali pintu Abu Bakar yang tersebut di dalam dua hadits di bawah bab ini hanya khusus dengan masjid Baginda sahaja. Ia tidak melibatkan masjid-masjid lain. Tidak juga ia merupakan perintah untuk sepanjang masa. Perintah itu dibuat Rasulullah s.a.w. hanya untuk menyatakan beberapa maksud berikut: (1) Mengisytarkan kepada keistimewaan Abu Bakar di sisi Beliau s.a.w. (2) Mengisytarkan kepada kedudukan Abu Bakar sebagai khalifah sepeninggalan beliau. (3) Oleh kerana Abu Bakarliah yang akan menjadi pengganti Baginda s.a.w. dalam pentadbiran dan kepimpinan ummah, maka perlu sekali beliau diberikan beberapa kemudahan yang diperolehi Nabi s.a.w. semasa hayatnya. Termasuklah kemudahan keluar masuk ke dalam masjid dari rumah beliau untuk menjadi imam sembahyang lima waktu. (4) Menghapuskan salah faham yang mungkin timbul akibat adanya kekhususan untuk segelintir sahabat keluar masuk ke dalam masjid melalui pintu-pintu seperti itu. (5) Melenyapkan terus spekulasi tentang jawatan khalifah sesudah Nabi s.a.w. Maka apabila ada sebab-sebab yang munasabah, pintu atau khaukhah seperti itu harus (boleh) dibuat di mana-mana masjid di dunia ini. Perintah Rasulullah s.a.w. supaya menutup semua pintu yang menghala ke dalam masjid, tidak difahami Bukhari dan jumhur 'ulama' sebagai naasikh (pemansukh) kepada kebenaran yang telah diberikan sebelumnya. Ini kerana Rasulullah s.a.w. mengecualikan pintu Abu Bakar daripada perintahnya. Andai kata kebenaran sebelumnya termansukh dengan hadits itu, tentulah tidak ada langsung yang dikecualikan, meskipun ada keperluan dan sebab-sebab yang munasabah. **Jawapan kepada persoalan kedua** ialah Bukhari menyebutkan خوخة di dalam tajuk bab di atas sebagai tempat lalu untuk masuk ke dalam masjid dan di bawahnya beliau mengemukakan dua hadits. Satu daripadanya menggunakan perkataan bab dan satu lagi menggunakan perkataan khaukhah. Ia bererti perkataan bab (pintu) yang tersebut di dalam hadits Abu Sa'id itu seharusnya dipakai dengan ma'na khaukhah. Apa lagi jika dilihat kepada riwayat Abu Sa'id yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah باب هجرة النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه إلى المدينة. Di dalam riwayat itu juga tersebut perkataan khaukhah seperti yang tersebut di dalam riwayat Ibnu 'Abbaas. Di dalam tajuk باب قول النبي صلى الله عليه وسلم سنؤا الثواب إلا باب أبي بكر قاله ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم Bukhari menyebutkan perkataan bab. Penggunaan perkataan bab di situ dikaitkan dengan Ibnu 'Abbaas. Padahal di dalam riwayat Ibnu 'Abbaas yang maushul di bawah bab yang sedang kita bincangkan ini tersebut perkataan khaukhah, bukan perkataan bab. Kata Hafiz Ibnu Hajar dalam komentarnya terhadap kata-kata Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan dalam باب قول النبي صلى الله عليه وسلم سنؤا الثواب إلا باب أبي بكر قاله ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم itu: "Ibnu 'Abbaas semacam meriwayatkan (sabda Nabi s.a.w. ini) bil ma'na (di sini)." Penggunaan perkataan bab di dalam riwayat Abu Sa'id sama ada merupakan riwayat bil ma'na atau ia digunakan secara musaamahah dengan mengambil kira khaukhah juga termasuk di bawah jenis bab. Kesimpulannya ialah Bukhari mentarjihkan penggunaan perkataan khaukhah daripada perkataan bab di dalam hadits-hadits yang berkaitan dengan perintah Nabi s.a.w. supaya ditutup semua pintu kecuali pintu Abu Bakar. **Jawapan kepada persoalan ketiga** ialah selain mempunyai rumah di Sunh, sebuah kawasan pinggir Madinah, Abu Bakar juga mempunyai rumah yang berkongsi dinding dengan masjid Nabi s.a.w. Di rumah beliau ini ada khaukhah yang menghala ke dalam masjid seperti rumah orang-orang lain yang juga tinggal bersebelahan dengan masjid Nabi s.a.w. Dengan itu tertolaklah pendapat orang-orang yang mengatakan, bagaimana Rasulullah s.a.w. akan membiarkan pintu rumah Abu Bakar sahaja tidak ditutup kalau rumah Abu Bakar tidak ada pun di situ? Alasan mereka ialah ketika Rasulullah s.a.w. wafat, Abu Bakar tidak ada di samping Baginda. Beliau dipanggil orang dari